



**USAHAWAN**

» Bakal miliki butik **oV10**

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@  
bh.com.my

▸ Serdang

**P**eluang menyertai Akademi Butik Siswa tajaan Kementerian Pendidikan sejak Mei lalu bakal merealisasikan impian Nurul Wahida Sarbani, 28, untuk memiliki butik sendiri.

Pelajar Bachelar Sains Teknologi Kayu, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu antara pelajar bertuah apabila dipilih Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) untuk menyertai kelas jahitan sebagai persediaan memulakan perniagaan pakaian muslimah.

Menerusi Akademi Butik Siswa, Nurul Wahida berpeluang mempelajari kemahiran dalam bidang jahitan termasuk memotong pakaian, menjahit jubah, tudung dan seldang.

“Saya bersyukur kerana diberikan peluang ini sebagai persiapan membuka perniagaan berkonsepkan butik kafe di Kulajaya, tahun depan.

**Modal kecil**

“Selain butik kafe, saya turut mendapat pendeda-



Nurul Wahida menjahit baju menggunakan mesin jahit mudah alihnya.

Bakal memiliki  
**butik**

han dan bimbingan daripada CEM menerusi Bengkel Lab Minda Keusahawanan bagi melancarkan perniagaan barangan terpakai bergred tinggi dari Singapura di kampus,” katanya.

Beliau menggunakan modal kecil untuk menjalankan perniagaan barangan terpakai dan kini meraih keuntungan bersih ratusan ringgit.

Katanya, kajian dilakukan terlebih dulu mengenai apa yang diperlukan pelajar sebelum memilih barangan terpakai bergred

tinggi dari Singapura sebagai produk jualan perniagaannya.

“Antara barangan yang menjadi pilihan ialah pakaian, barangan sukan lasak, permainan kanak-kanak, helmet basikal, kasut roda dan papan luncur.

“Kebiasaannya saya mengambil tempahan terlebih dulu daripada pelajar sebelum mendapatkannya daripada pembekal Singapura. Saya menjualnya pada harga yang berpatutan sesuai dengan kemampuan pelajar,” katanya.